

Kumpulan Nitto

Garis Panduan Amalan Perniagaan



Isi Kandungan

Mesej daripada CEO P.02

I Pengenalan P.03

II Mengamalkan Pematuhan Etika dan Undang-undang P.07

III Sistem Pemberi Maklumat P.11

Polisi Asas
1-1 Menghormati Hak Asasi Manusia Asas P.13
1-2 Etika dan Pematuhan P.14
1-3 Perbezaan antara Awam dan Persendirian P.15
Kolumn P.16

Keselamatan dan Kualiti
2-1 Keselamatan Tempat Kerja P.17
2-2 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan P.18
2-3 Penjagaan Pelanggan P.19

Pengajian dan Perburuan
3-1 Penjagaan Pekerja P.21
3-2 Mewujudkan Tempat Kerja yang Selamat dan Terbuka P.23
3-3 Penjagaan Pembekal P.24

Alam Sekitar dan Masyarakat
4-1 Penjagaan Alam Sekitar P.25
4-2 Sumbangan kepada Masyarakat P.27

Aset Korporat dan Maklumat
5-1 Kawalan Dokumen dan Data P.28
5-2 Pengurusan Maklumat dan Keselamatan P.29
5-3 Perlindungan Aset Korporat P.31
5-4 Pengendalian Perakaunan dan Pematuhan Undang-undang Cukai P.32
5-5 Pengurusan Harta Intelek P.33

Hubungan dengan Pihak Luar
6-1 Penjagaan Anti Rasuah P.34
6-2 Penjagaan Persaingan P.37
6-3 Perolehan Optimum P.39
6-4 Perdagangan dan Keselamatan P.40
6-5 Pendedahan Maklumat P.41

Mesej daripada CEO

Garis Panduan Amalan Perniagaan Kumpulan Nitto (selepas ini dirujuk sebagai "BCG") bertujuan sebagai asas yang akan membimbing setiap orang yang bekerja untuk Kumpulan Nitto di seluruh dunia supaya bertindak secara beretika dengan mematuhi undang-undang dan peraturan dalam aktiviti perniagaan mereka.

Mutakhir ini, syarikat diharapkan membuat tindakan pada tahap tinggi bukan sahaja dari segi pematuhan undang-undang, tetapi juga melaksanakan etika perniagaan. Untuk memenuhi harapan sedemikian daripada masyarakat, setiap daripada kita di Kumpulan Nitto perlu membuat tindakan dan amalan yang sewajarnya dalam aktiviti mereka. Untuk membantu mencapai objektif ini, kita sentiasa diingatkan di atas keperluan untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh khalayak global, di dalam BCG.

Untuk memastikan Kumpulan Nitto terus menjadi sebuah syarikat yang boleh dipercayai oleh masyarakat, saya dengan ini mengesahkan komitmen saya untuk mengambil inisiatif untuk mematuhi BCG dan menunjukkan contoh baik untuk diikuti oleh orang lain. Saya harap anda semua akan bersama-sama saya dalam mengamalkan BCG.



Lembaga Pengarah, Presiden
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF COO
Hideo Takasaki


I Pengenalan

1 Hubungan antara 'The Nitto Way' dan BCG

'The Nitto Way' dan BCG disasarkan kepada setiap pegawai dan pekerja Kumpulan Nitto (pengarah, pegawai eksekutif, pekerja, pekerja kontrak, pekerja sambilan, pekerja sementara, dll.).

Hubungan antara kedua-dua ini ialah jika 'The Nitto Way' ialah satu set nilai yang mentakrifkan tata perlakuan yang perlu diamalkan, manakala BCG pula merupakan satu set peraturan untuk keseragaman tingkah laku.



Hari ini, peraturan sosial bukan sahaja terdiri daripada undang-undang dan peraturan, tetapi juga tindak balas terhadap tuntutan masyarakat. Kumpulan Nitto mendedahkan cara kami bertindak balas terhadap tuntutan ini dalam bentuk dasar asas seperti Dasar Asas Kelestarian. Dalam membangunkan BCG, kita telah berusaha untuk memahami dasar asas ini dan memasukkannya ke dalam tingkah laku harian setiap daripada kita.



2 Mengendalikan Pelanggaran BCG

Dalam aktiviti perniagaan kita, kita menghadapi pelbagai jenis masalah undang-undang dan etika. Apabila anda merasa sukar untuk membuat keputusan, sila gunakan BCG. Mana-mana pekerja yang gagal mematuhi BCG boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan undang-undang dan peraturan tempatan, peraturan Kumpulan Nitto atau peraturan korporat tempatan.

Tiada pegawai atau pekerja Kumpulan Nitto boleh mengarahkan mana-mana pegawai, pekerja, wakil atau rakaniaga lain untuk melakukan apa-apa perbuatan yang bercanggah dengan pematuhan etika atau undang-undang atau bertolak ansur dengan sebarang ketidakpatuhan samada ianya sahih atau yang disyaki.




II Mengamalkan Pematuhan Etika dan Undang-undang

1 Jika ia sukar untuk ditentukan

Apabila anda merasa sukar untuk menentukan sebarang tindakan yang perlu diambil dalam perjalanan aktiviti perniagaan anda,

tanya diri anda untuk lapan soalan berikut dalam "Senarai Semak Etika & Integriti" (Halaman 9) untuk menyemak sama ada tindakan anda sesuai atau tidak:




2 Saluran Komunikasi untuk Rundingan

Jika anda perasan sesuatu yang kelihatan bercanggah dengan BCG, atau mempunyai sebarang soalan tentang pematuhan, sila pastikan anda melaporkan kepada atau berunding dengan individu yang berkenaan atau merujuk kepada saluran komunikasi yang disenaraikan di bawah berkaitan keimbangan anda.

| Saluran Komunikasi (Siapa yang perlu dihubungi) | Kebimbangan / Masalah (contoh) |
|--|---|
| Orang atasan anda (cth, pengurus anda) | Aktiviti perniagaan harian dalam Kumpulan Nitto |
| HR / GA di lokasi atau syarikat kumpulan | Gangguan, hak asasi manusia / masalah pekerjaan dsb. |
| Jabatan / bahagian Sektor Korporat yang berkaitan | Perundungan & Pematuhan, Kawalan Keselamatan, Kawalan Kualiti, Perolehan, Pengurusan Data, Harta Intelek, Perakaunan / Percukaian, Kawalan Eksport dsb. |

Jika menggunakan rangka kerja rundingan di atas (pengurus anda / saluran komunikasi) tidak menyelesaikan masalah

Sila gunakan Sistem Pemberi Maklumat



Jika anda tidak pasti tentang sesuatu, sila semak senarai di bawah.



Senarai Semak Etika & Integriti

Adakah kelakuan saya melanggar hak asasi seseorang?

Adakah kelakuan saya bercanggah dengan mana-mana undang-undang atau peraturan?

Adakah kelakuan saya mengutamakan kepentingan peribadi saya berbanding kepentingan syarikat?

Adakah kelakuan saya selaras dengan Falsafah Korporat Kumpulan Nitto?

Bagaimakah kelakuan saya dilihat oleh pelanggan dan rakaniaga yang lain?

Apakah perasaan saya jika saya melihat atau mendengar laporan berita tentang kelakuan yang sama seperti saya dalam akhbar?

Apakah perasaan saya selepas berkelakuan sedemikian?

Bolehkah saya menjelaskan kelakuan sedemikian dengan yakin kepada keluarga atau rakan?

Jika anda merasa sukar untuk menjawab senarai semak ini dengan yakin, fikirkan soalan dengan seseorang di sekeliling anda seperti orang atasan dan rakan sekerja anda. Sila semak dengan pelbagai saluran komunikasi untuk rundingan yang telah disediakan oleh Kumpulan Nitto. (Rujuk Halaman 8, 11-12)

III Sistem Pemberi Maklumat ('Whistleblower System')

Talian 'hotline' Pemberi Maklumat (Whistleblower)

Kumpulan Nitto adalah seperti berikut.



dalam
Kumpulan Nitto



di luar
syarikat

Lihat laman Compass atau notis dalaman di dalam tempat kerja anda untuk mendapatkan maklumat lanjut. Anda boleh melaporkan kebimbangan anda tanpa pendedahan nama pelapor.

Contoh laporan tertakluk kepada sistem pemberi maklumat

- Bahaya yang ketara kepada nyawa, kesihatan atau keselamatan orang ramai
- Penglibatan dengan pengaruh kuasa antisosial, jenayah terancang, pengubahan wang haram, pembiayaan pengganas atau aktiviti haram yang lain
- Rasuah, pecah amanah dan pakatan sulit
- Aktiviti Perdagangan dalaman yang berhasrat untuk mencari keuntungan peribadi melalui penggunaan maklumat syarikat secara tidak wajar atau konflik kepentingan
- Hiburan kepada pelanggan secara berlebihan
- Ketidakjujuran berkaitan pengurusan kualiti / maklumat (termasuk pemalsuan data kualiti, akses data yang tidak sesuai dsb.)
- Pelanggaran undang-undang lain, peraturan atau etika atau pelanggaran kepentingan awam


Apa yang tidak
patut dilaporkan

Menunjukkan ketidakjujuran atau rasa tidak puas hati terhadap penilaian prestasi atau layanan seseorang, memfitnah atau menyebarkan khabar angin tentang orang lain dengan niat jahat, atau menyebarkan berita palsu tentang seseorang untuk memburukkan orang itu dsb.




1

Mengenai kandungan laporan; jika syarikat percaya bahawa kejadian itu adalah pelanggaran etika atau pematuhan undang-undang, syarikat akan memulakan siasatan untuk mengetahui fakta. Pegawai dan pekerja mesti bekerjasama dengan sebarang penyiasatan yang dimulakan.



2

Kumpulan Nitto berjanji untuk melindungi privasi pemberi maklumat, merahsiakan nama pemberi maklumat dan kandungan tuntutan pemberi maklumat daripada sesiapa kecuali mereka yang memerlukan maklumat untuk tujuan menjalankan siasatan. Selain itu, kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang pemecatan atau kerosakan lain yang mungkin berlaku kepada pemberi maklumat berdasarkan fakta bahawa dia melaporkan kes itu. Anda boleh menggunakan talian hotline pemberi maklumat dengan selamat dan tanpa kerisauan.




Polisi Asas 1-1

Menghormati Hak Asasi Manusia Asas

Kumpulan Nitto menghormati hak asasi manusia berdasarkan "Polisi Asas Hak Asasi Manusia."

- 1 Kita menghormati hak asasi manusia dan kepelbagaian.
- 2 Kita tidak mendiskriminasi berdasarkan bangsa, etnik, warna kulit, kepercayaan agama, jantina, identiti atau ekspresi jantina, kewarganegaraan dan keturunan, ketidakupayaan mental atau fizikal, umur, keadaan kesihatan, sejarah perkahwinan, atau atas sebarang sebab lain.
- 3 Sebaik kita menyedari tentang pelanggaran hak asasi manusia, sama ada dalam Kumpulan Nitto atau dalam kalangan pelanggan atau pembekal, seperti buruh yang melibatkan pemerdagangan manusia, buruh terikat, buruh paksa, buruh hamba atau buruh kanak-kanak, kita akan segera melaporkan perkara ini kepada pihak atasan atau jabatan yang bertanggungjawab.
- 4 Kita menghormati kebebasan berpersatuhan, hak untuk berorganisasi, hak untuk berunding secara kolektif dan hak asasi pekerja yang lain.




Polisi Asas 1-2

Etika dan Pematuhan

Kumpulan Nitto akan mematuhi undang-undang, peraturan dan peraturan korporat, dan bertindak secara beretika dan ikhlas.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan negara dan wilayah yang berkaitan dengan perniagaan kita, serta peraturan korporat kita.
- 2 Kita akan memaklumkan kepada seluruh Kumpulan Nitto tentang peraturan korporat yang diselia oleh jabatan kita sendiri. Apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau peraturan atau apabila penilaian semula perniagaan / organisasi berlaku, kita akan mengemas kini peraturan korporat dari masa ke masa.
- 3 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan negara dan wilayah yang berkaitan dengan perniagaan kita, serta peraturan korporat kita.

* "Peraturan korporat" bermaksud apa yang dipanggil dasar, ketetapan, peraturan, garis panduan, manual, prosedur dan piawaian. Oleh kerana mereka dipanggil secara berbeza bergantung pada Kumpulan syarikat atau jabatan sila sahkan peraturan yang terpakai kepada anda terlebih dahulu.




Perbezaan antara Awam dan Persendirian

Kumpulan Nitto tidak akan bertolak ansur terhadap penggunaan kedudukan pekerja dalam syarikat untuk mendapatkan keuntungan peribadi.

- 1 Sebelum menjalin hubungan perniagaan dengan pelanggan atau pembekal yang mempunyai pertalian saudara atau rakan rapat yang menjalankannya atau bekerja untuknya, atau menggaji kedua kategori tersebut, kita akan berunding dengan orang atasan dan menerima kelulusan berkenaan kewajaran dan skop penglibatan.
- 2 Kita akan mendapatkan kelulusan sebelum secara peribadi menerima pampasan daripada sumber luar sebagai pertukaran untuk memberi kuliah atau perkhidmatan lain, atau berkhidmat sebagai pegawai atau pekerja persatuan atau organisasi lain yang berkaitan dengan perniagaan terbabit.
- 3 Kita tidak akan terlibat dalam aktiviti permohonan dana untuk aktiviti keagamaan atau politik, atau meminta pemberian hadiah, atau memberi pinjaman dan meminjam sejumlah wang yang banyak antara individu di tempat kerja.
- 4 Kita tidak akan menggunakan aset korporat, termasuk peralatan dan perbelanjaan pejabat untuk tujuan peribadi. Kita tidak akan terlibat dalam perbuahan peribadi yang berlebihan atau panggilan telefon peribadi, atau menggunakan PC atau e-mel untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan.
- 5 Kita tidak akan terlibat dalam perdagangan dalaman atau mana-mana perdagangan saham yang mencurigakan.

Kolumn




Garis Panduan Amalan Perniagaan Kumpulan Nitto terdiri daripada enam bab utama yang mesti diikuti oleh semua pegawai dan pekerja tanpa mengira jawatan, klasifikasi pekerjaan atau jenis pekerjaan mereka. Khususnya, "Dasar Asas" ialah piawaian tingkah laku yang paling asas dan penting untuk Kumpulan Nitto. Lima bab selebihnya mungkin termasuk item yang tidak berkaitan secara langsung dengan kerja anda. Walau bagaimanapun, Kumpulan Nitto meminta anda untuk mengamalkannya sebagai piawaian tingkah laku apabila anda menghadapi situasi yang memerlukan tindakan anda sendiri.

Keselamatan dan Kualiti 2 -1

Keselamatan Di Tempat Kerja

Berdasarkan "Polisi Asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan" dan di bawah kepercayaan "Mendahulukan Keselamatan Sebelum Perkara Yang Lain," Kumpulan Nitto menyasarkan untuk mengurangkan bilangan kemalangan dan kecederaan di tempat kerja kepada sifar.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang berkaitan dengan kawalan keselamatan.
- 2 Kita akan memeriksa tempat kerja kita untuk mengetahui risiko keselamatan dan berusaha untuk mengurangkan sebarang risiko yang dikenal pasti.
- 3 Jika berlaku kemalangan / kecederaan atau kita menyedari sebarang risiko keselamatan, kita akan melaporkan perkara ini kepada orang atasan dan jabatan yang bertanggungjawab.




Keselamatan dan Kualiti 2 -2

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Berdasarkan "Polisi Asas Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan," Kumpulan Nitto akan membina tempat kerja yang selamat dan sihat di mana semua orang boleh berasa selamat.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan industri.
- 2 Kita akan terus menjaga kesihatan, termasuk kesihatan mental kita sendiri, dan akan mengambil kira kesihatan rakan sekerja. Kita tidak akan menekan orang lain untuk bekerja secara berlebihan atau memaksa untuk bekerja lebih masa.
- 3 Kita tidak akan mengambil alkohol, memiliki atau menggunakan dadah haram / bahan terkawal yang menimbulkan ancaman kepada keselamatan tempat kerja.



Penjagaan Pelanggan

Berdasarkan "Polisi Asas Kualiti," Kumpulan Nitto akan menyediakan produk dan perkhidmatan yang memberikan ketenangan fikiran, keselamatan dan kepuasan kepada pelanggannya.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang, peraturan, dan peraturan korporat yang berkaitan dengan piawaian kualiti produk / perkhidmatan, serta perkara yang dijanjikan kepada pelanggan.
- 2 Pada setiap peringkat, daripada pembangunan produk / perkhidmatan sehingga pengeluarannya ke pasaran, kita akan menyemak dan membetulkan sebarang kekurangan dalam kawalan kualiti dan dokumentasi produk.
- 3 Jika kita mendapati kemalangan atau masalah berkaitan dengan kawalan kualiti, atau tanda-tandanya atau jika kita mencurigai kawalan kualiti, kita akan segera melaporkan perkara ini kepada orang atasan atau jabatan yang bertanggungjawab.
- 4 Semasa keseluruhan proses, daripada peringkat pembangunan produk hingga ke peringkat pembuatan, pemeriksaan dan penghantaran, kita tidak akan terlibat dalam pemalsuan, pengubahan atau pemadaman data kawalan kualiti.



Untuk menyediakan produk yang selamat dan berkualiti tinggi kepada pelanggan, sila beri perhatian kepada perkara berikut:



Butiran dan ciri produk dan perkhidmatan mesti disampaikan dengan tepat kepada pelanggan. Pelbagai data dan dokumen yang menyokong butiran dan ciri sedemikian hendaklah diuruskan dengan sewajarnya.



Butiran seperti kaedah pembuatan dan / atau bahan yang dijanjikan kepada pelanggan tidak boleh diubah tanpa persetujuan mereka, walaupun anda fikir "ia memberi manfaat kepada pelanggan."




Ia mesti diberitahu dengan jelas bahawa langkah-langkah telah diambil untuk mencegah pemalsuan, pengubahan, atau pemadaman sebarang rekod pemeriksaan kualiti, data prestasi produk dan seumpamanya.

Penjagaan Pekerja

Berdasarkan "Polisi Asas Pengurusan Sumber Manusia," Kumpulan Nitto akan mewujudkan tempat kerja di mana setiap pekerja boleh menerima penilaian yang adil dan bekerja dengan cara yang sihat.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang buruh, kontrak pekerjaan dan peraturan kerja.
- 2 Kita tidak akan menggunakan buruh yang melibatkan pemerdagangan manusia, buruh terikat, buruh paksa, buruh hamba atau buruh kanak-kanak.
- 3 Kita tidak akan terlibat dalam kelakuan yang merosakkan maruah rakan sekerja, seperti tindakan tidak berperikemanusiaan, gangguan atau layanan tidak adil yang melanggar hak asasi mereka.



Topik

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bukan sahaja pelanggan kita tetapi juga semua pihak berkepentingan telah menyatakan minat yang semakin meningkat dalam isu hak asasi manusia di tempat kerja dan rantai bekalan. Khususnya, syarikat dijangka secara aktif akan mencegah buruh paksa, buruh yang melibatkan pemerdagangan manusia, buruh terikat, buruh hamba dan buruh kanak-kanak. Apabila mengambil pekerja, adalah perlu untuk menerangkan keadaan kerja dan maklumat lain yang diperlukan kepada calon.

Buruh paksa

Buruh paksa bermaksud memaksa pekerja bekerja di luar kehendak mereka dengan cara kekerasan, ancaman, ikatan hutang dan cara lain yang secara tidak adil menghalang kebebasan mental atau fizikal mereka dan melakukan jenis kerja yang berbeza daripada apa yang mereka persetujui sebelumnya. Pelanggan boleh menganggap kerja lebih masa yang berlebihan (lebih masa yang melebihi had undang-undang atau perjanjian pekerjaan) sebagai buruh paksa.

Buruh yang melibatkan pemerdagangan manusia

Ini adalah kes di mana pekerja terpaksa bekerja dalam keadaan yang dikawal oleh orang lain, akibat daripada keganasan, ugutan, penculikan, penipuan, atau eksplorasi kedudukan rendah mereka (termasuk meminta pembayaran balik kos pengambilan kerja yang terlalu tinggi).

Buruh hamba

Ini adalah kes di mana pekerja dipaksa bekerja dengan melucutkan sijil pengenalan mereka, atau menyekat pergerakan mereka tanpa sebab yang sewajarnya ataupun kebebasan mereka dirampas, atau mereka dipaksa bekerja dalam keadaan yang dikawal oleh orang lain. Ini termasuk situasi di mana sebahagian atau semua gaji mereka dipegang atau disimpan secara paksa oleh majikan, serta situasi di mana gaji yang sesuai tidak dibayar.

Buruh kanak-kanak

Ini merujuk kepada kes di mana kanak-kanak bawah umur dipaksa bekerja dan dihalang daripada menerima pendidikan wajib; atau mereka yang berumur di bawah 18 tahun terpaksa bekerja dalam persekitaran kerja yang berbahaya atau toksik.

Penggajian dan Perburuhan 3 -2


Mewujudkan Tempat Kerja yang Selamat dan Terbuka

Berdasarkan "Polisi Asas Pengurusan Sumber Manusia,"

Kumpulan Nitto akan mewujudkan tempat kerja di mana pekerja boleh menghormati dan membantu antara satu sama lain.

1 Kita berusaha untuk menyediakan operasi perniagaan yang lancar dengan menggalakkan komunikasi di tempat kerja.

2 Kita berusaha untuk mewujudkan tempat kerja di mana kita boleh merealisasikan potensi penuh kita dengan menerima kepelbagaiannya nilai setiap pekerja dan menghormati pelbagai sudut pandangan dan cara berfikir.



Penggajian dan Perburuhan 3 -3

Penjagaan Pembekal

Kumpulan Nitto memperolehi bahan yang dihasilkan dan diedarkan dalam persekitaran yang menghormati hak asasi manusia pekerja dan mengambil kira keselamatan persekitaran kerja mengikut "Polisi Asas Perolehan." Kita juga mengharapkan pembekal untuk mengamalkan "Kod Amalan Tata Perlakuan Pembekal".

1 Kita menghendaki pembekal menghormati hak asasi pekerja, mengekalkan keadaan kerja yang selamat, menggaji pekerja mengikut undang-undang buruh, dan menunjukkan persefahaman dan rasa hormat terhadap pekerja asing, seperti yang ditakrifkan dalam "Kod Amalan Tata Perlakuan Pembekal."

2 Kita meminta rakaniaga kita selain daripada pembekal memahami dan menghormati peruntukan "Kod Amalan Tata Perlakuan Pembekal" apabila perlu.

Topik

Di peringkat antarabangsa, kita melihat peningkatan tahap kritikan yang ditujukan kepada syarikat yang membeli produk dan perkhidmatan yang dihasilkan menggunakan buruh paksa, buruh kanak-kanak dsb. Bukan sahaja semua syarikat Kumpulan, tetapi syarikat pembekal juga dilarang menggunakan buruh paksa, buruh yang melibatkan pemerdagangan manusia, buruh terikat, buruh hamba, dan buruh kanak-kanak. Pembekal dikehendaki mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan waktu kerja dan gaji di negara atau wilayah yang berkaitan dan melaksanakan langkah-langkah untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Permintaan ini dibuat bukan sahaja kepada pembekal, tetapi juga kepada rakaniaga lain seboleh mungkin.

Penjagaan Alam Sekitar

Kumpulan Nitto menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lestari dengan mengurangkan kesan alam sekitar selaras dengan "Polisi Asas Alam Sekitar."


- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang berkaitan dengan alam sekitar, sekali gus mengurangkan impak alam sekitar.
- 2 Kita akan mematuhi peraturan korporat yang berkaitan dengan pengurusan sisa, pelepasan dan saliran serta meminimumkan impak terhadap alam sekitar dan ekosistem.
- 3 Kita akan berusaha ke arah mencapai matlamat mengenai penjimatatan tenaga dan penggunaan elektrik dan bahan api yang cekap untuk mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau.
- 4 Kita akan berusaha ke arah mencapai matlamat kita berkaitan dengan pemuliharaan dan penggunaan semula air serta melindungi sumber air.
- 5 Kita mengharapkan pembekal mematuhi peraturan alam sekitar dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar selaras dengan "Kod Amalan Tata Perlakuan Pembekal."



Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan alam sekitar adalah sangat rumit, tetapi semua pegawai dan pekerja diharapkan memahami undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk bidang perniagaan mereka sendiri. Jika anda terlibat dalam operasi yang menghasilkan sisa atau pelepasan alam sekitar, atau bertanggungjawab untuk mengukur, merekod, dan melaporkan sisa dan pelepasan tersebut, anda mesti mematuhi peraturan alam sekitar yang berkenaan, mendapatkan dan mengekalkan permit dan lesen yang berkaitan.

Apabila melaporkan kepada pihak berkuasa atau pelanggan, anda mesti berbuat demikian dengan cara yang tepat dan menyeluruh, meliputi semua perkara yang perlu.

Kumpulan Nitto menggunakan perolehan hijau untuk menghasilkan produk yang mematuhi peraturan alam sekitar, seperti item yang mengandungi bahan kimia. Selain itu, kita meminta pembekal untuk mematuhi peraturan alam sekitar dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar seperti yang ditetapkan dalam "Kod Amalan Tata Perlakuan Pembekal." Apabila anda merasakan bahawa undang-undang dan peraturan alam sekitar dilanggar, atau jika anda melihat sebarang percubaan untuk menyembunyikan kelakuan haram tersebut, sila hubungi orang atasan anda atau mana-mana saluran komunikasi.



Sumbangan kepada Masyarakat

Kumpulan Nitto menyumbang kepada masyarakat melalui perniagaannya dan dengan itu menggalakkan kewujudan bersama komuniti.


- 1 Kita bekerjasama dengan komuniti tempatan dan komuniti antarabangsa untuk menangani isu yang mereka hadapi dan menyumbang kepada kemajuan masyarakat melalui aktiviti perniagaan, termasuk penyediaan produk dan perkhidmatan.
- 2 Setiap kali kita menawarkan derma, kita akan menyemak ciri-ciri penerima dan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang berkaitan dengan derma.
- 3 Kita sama sekali tidak akan terlibat dengan kuasa antisosial, jenayah terancang, pengubahan wang haram, pembiayaan pengganas atau aktiviti haram yang lain.
- 4 Jika bencana, wabak atau lain-lain musibah yang serupa berlaku, kita, sebagai ahli komuniti, akan bekerjasama dengan ahli komuniti lain dalam usaha pemulihan dan pembinaan semula.



Kawalan Terhadap Dokumen dan Data

Kumpulan Nitto memastikan pengurusan yang wajar bagi semua dokumen dan data.


- 1 Kita tidak akan mencipta atau mendapatkan sebarang dokumen yang boleh menyebabkan salah faham pihak luaran. Selain itu, kita tidak akan mendapatkan maklumat melalui cara yang tidak wajar.
- 2 Kita akan menyimpan dengan sewajarnya semua dokumen dan data yang dicipta dan diperolehi semasa menjalankan aktiviti perniagaan kita untuk tempoh masa yang diperlukan di bawah peraturan korporat.
- 3 Jika masalah berkaitan undang-undang atau etika timbul, kita tidak akan melupuskan dokumen atau memadam data di bawah pertimbangan kita sendiri.
- 4 Kita akan mendokumentkan proses membuat keputusan serta proses yang membawa kepada keputusan dan menguruskan dokumen tersebut dengan sewajarnya.



Pengurusan Maklumat dan Keselamatan

Berdasarkan "Polisi Asas Keselamatan Maklumat," Kumpulan Nitto memastikan keselamatan maklumat.

- 1 Kita akan mematuhi "8 Peraturan mengenai Keselamatan Maklumat."
- 2 Kita akan melakukan kerja seharian, sentiasa mengambil kira keselamatan maklumat. Jika insiden keselamatan berlaku atau disyaki terdapat insiden yang sudah berlaku, kita akan segera melaporkan kepada pihak atasan atau jabatan yang bertanggungjawab.
- 3 Maklumat peribadi akan diuruskan dengan cara yang wajar dalam skop tujuan penggunaannya.
- 4 Selepas peletakan jawatan daripada Kumpulan Nitto, anda akan mengembalikan semua dokumen dan data yang mengandungi maklumat milik Kumpulan Nitto.



Kata kunci

— 8 Peraturan Keselamatan Maklumat —

1. Kewajipan Pegawai dan Pekerja untuk Menjaga Kerahsiaan

Nyatakan klasifikasi kerahsiaan dan uruskan proses dari penciptaan atau pemerolehan hingga pelupusan

2. Penggunaan Peranti Maklumat

Gunakan peranti yang dibekalkan oleh syarikat dengan langkah keselamatan

3. Penggunaan Media Storan Luaran

Gunakan USB yang disulitkan; berhati-hati dengan pelanggaran maklumat dan jangkitan virus

4. Penggunaan Akaun

Gunakan kata laluan yang kompleks untuk menghalang akses yang tidak dibenarkan

5. Penggunaan Rangkaian

Jangan sekali-kali sambungkan peranti peribadi anda ke rangkaian syarikat; jangan sekali-kali mengakses internet untuk tujuan bukan perniagaan

6. Penggunaan E-mel

Sulitkan maklumat rahsia; jangan sekali-kali membuka e-mel yang mencurigakan; lebih berhati-hati untuk mengelakkan menghantar e-mel kepada penerima yang salah

7. Anti-Virus

Pastikan perisian anti-virus anda dikemas kini kepada versi terkini

8. Tindak Balas Insiden Keselamatan


Laporkan sebarang kejadian dengan segera

Aset Korporat dan Maklumat 5 - 3

Perlindungan Aset Korporat

Kumpulan Nitto memastikan pengurusan yang wajar bagi semua aset korporat ketara dan tidak ketara.

- 1 Apabila memperoleh atau melupuskan aset, kita akan mematuhi peraturan korporat dan mendapatkan kelulusan yang diperlukan.
- 2 Kita mematuhi peraturan korporat berkenaan setiap jenis aset korporat, dan mengurus semua aset korporat ketara dan tidak ketara dengan sewajarnya.
- 3 Kita mengakui bahawa kepercayaan yang diberikan kepada syarikat dan jenamanya adalah aset korporat tidak ketara yang penting. Kita tidak akan terlibat secara perkataan atau perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada mereka.




Aset Korporat dan Maklumat 5 - 4

Pengendalian Perakaunan dan Pematuhan Undang-undang Cukai

Kumpulan Nitto akan mengendalikan perakaunan dan percukaian yang sesuai dengan mematuhi prinsip perakaunan dan piawaian serta undang-undang cukai di semua negara yang berkenaan.


- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang berkaitan dengan pemprosesan perakaunan.
- 2 Berdasarkan bukti dokumen yang wajar, kita akan melaksanakan pemprosesan perakaunan dan cukai yang betul.
- 3 Mengenai urusan di kalangan ahli syarikat Kumpulan, kita akan melaksanakan pemprosesan perakaunan dan cukai yang wajar berdasarkan bukti dokumen yang sesuai yang menyokong kerasionalan harga transaksi dsb. Apabila kita mempunyai sebarang keraguan mengenai urusan di kalangan ahli syarikat Kumpulan, kita akan menghubungi orang atasan atau jabatan yang bertanggungjawab.



Pengurusan Harta Intelek

Kumpulan Nitto memahami kepentingan harta intelek dan menghormati hak kita serta hak orang lain.

- 1 Kita menguruskan ciptaan baru dan pengetahuan teknikal, serta hak milik maklumat teknikal dengan sewajarnya. Khususnya, apabila kertas kerja teknikal hendak dibentangkan dan dikeluarkan di luar syarikat, kita memastikan bahawa ia tidak mengandungi sebarang maklumat teknikal yang bukan dalam domain awam.
- 2 Kita memastikan bahawa kita tidak melanggar hak harta intelek orang lain.



Penjagaan Anti Rasuah

Kumpulan Nitto menjamin kepercayaan masyarakat dengan melarang rasuah, memberi atau menerima keuntungan yang tidak jujur.

- 1 Kita akan mematuhi undang-undang dan peraturan serta peraturan korporat yang melarang rasuah. Selain itu, kita tidak akan terlibat dalam sebarang tindakan yang boleh disyaki rasuah.
- 2 Kita tidak akan melayan terhadap sebarang permintaan untuk pembayaran pemudah cara (pembayaran kecil yang dibuat dengan tujuan untuk mempercepatkan proses pentadbiran).
- 3 Kita akan mengekalkan hubungan yang sihat dengan pelanggan dan tidak akan memberikan keuntungan yang tidak jujur. Selain itu, kita tidak akan menyediakan hiburan, hadiah, kos perjalanan, derma atau kelebihan lain yang boleh dianggap sebagai rasuah.
- 4 Kita tidak akan menerima atau menuntut sebarang keuntungan yang tidak jujur daripada pembekal. Selain itu, kita tidak akan menerima hiburan, hadiah, kos perjalanan atau kelebihan lain yang boleh dianggap sebagai rasuah.



Topik

Apabila urusan perniagaan menjadi lebih global dan akibat daripada perbezaan dalam amalan perniagaan atau sistem perundangan antara negara, kita melihat peningkatan risiko pegawai, pekerja atau syarikat yang disyaki melakukan jenayah secara tidak dijangka, dan disebabkan itu denda dan penalti yang berat dikenakan ke atas mereka. Justeru, langkah berjaga-jaga perlu diambil terutamanya ketika menjalankan urusan perniagaan di luar negara agar tidak melanggar undang-undang mana-mana negara terbabit.

Banyak negara sedang mengukuhkan undang-undang anti-rasuahnya. Undang-undang sedemikian melarang rasuah ahli politik dan pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun, takrifan "pegawai kerajaan" sedang diperluaskan untuk merangkumi kakitangan yang bekerja di hospital yang bergabung dengan universiti awam, dan eksekutif perbadanan yang menerima pembiayaan daripada kerajaan. Di sesetengah negara, rasuah dilarang bukan sahaja kepada mereka yang bekerja di institusi awam, tetapi juga kepada mereka yang bekerja di syarikat-syarikat swasta. Dalam sesetengah kes, ganjaran untuk aktiviti perniagaan dalam bentuk rebat juga turut adalah dilarang sebagai rasuah. Jika melanggar mana-mana daripada ini, individu boleh menghadapi hukuman penjara dan / atau denda, manakala syarikat boleh dikenakan hukuman atau denda yang sangat besar. Walaupun Kumpulan Nitto tidak mempunyai urusan secara langsung dengan kerajaan, jika syarikat perdagangan atau agensi yang diambil bekerja oleh Kumpulan terlibat dalam rasuah, Kumpulan Nitto juga boleh dianggap telah melanggar undang-undang.


Jika anda melihat sebarang kemungkinan pelanggaran di tempat kerja anda, segera hubungi orang atasan anda atau jabatan yang bertanggungjawab. Adalah mungkin untuk mendapatkan pengurangan atau pengecualian penalti atau denda, jika syarikat menunjukkan bahawa ia telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk mencegah rasuah, atau secara sukarela mengisyiharkan pelanggarannya kepada pihak berkuasa, memberikan kerjasama penuh dalam penyiasatan pihak berkuasa, dan mengambil tindakan tepat pada masanya dan langkah-langkah pemulihan yang sesuai.



Penjagaan Persaingan

Kumpulan Nitto akan mematuhi undang-undang persaingan, undang-undang 'antitrust' setiap negara atau rantau, dan terlibat dalam aktiviti perniagaan yang adil berdasarkan persaingan bebas.

- 1 Kita tidak akan terlibat dalam perhubungan yang tidak perlu dengan pesaing. Apabila perlu untuk membuat hubungan sedemikian, kita tidak akan bertindak dengan cara yang boleh menimbulkan syak wasangka perjanjian atau kartel dengan pesaing.
- 2 Kita tidak akan melakukan sebarang perbuatan yang akan menyekat aktiviti perniagaan pesaing secara tidak wajar.
- 3 Kita tidak akan melakukan sebarang perbuatan yang boleh menghalang persaingan yang adil apabila berurusan dengan syarikat lain.



Dilarang melibatkan diri dalam perbincangan atau mencapai persetujuan dengan pesaing mengenai perkara seperti harga dan terma jualan produk dan perkhidmatan, pengasingan pelanggan atau pasaran, jumlah pengeluaran produk, atau urusan dengan klien atau pelanggan tertentu, maklumat sulit syarikat, sumber manusia, dan syarat imbuhan.

Ia sama sekali tidak dibenarkan untuk berunding dengan pesaing apabila menyerahkan tender kepada pelanggan atau menjalankan aktiviti yang tidak sesuai dalam apa-apa cara lain (seperti penglibatan dalam penipuan bidaan).

Anda tidak boleh terlibat secara cuai dalam perbualan perniagaan bukan sahaja di mesyuarat kumpulan industri, tetapi juga dengan pasangan anda, rakan serumah (orang yang tinggal bersama anda), saudara terdekat, rakan yang mungkin merupakan pegawai atau pekerja pesaing atau seorang pelanggan syarikat. Aktiviti tersebut berkemungkinan menjadi perkara terlarang.


Jika melanggar mana-mana daripada perkara tersebut, individu boleh menghadapi hukuman penjara dan / atau denda, manakala syarikat boleh dikenakan hukuman atau denda yang sangat besar.



Perolehan Optimum

Kumpulan Nitto akan melaksanakan perolehan secara adil berdasarkan "Polisi Asas Perolehan."


- 1 Kita akan memahami dengan tepat peruntukan utama dalam undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan aktiviti perolehan dan akan mematuhi peraturan korporat yang berkaitan. Selain itu, dengan memahami dan melaksanakan "Garis Panduan Tindakan Perolehan," kita tidak akan menyimpang daripada etika korporat dan norma masyarakat.
- 2 Kita akan menilai dan memilih pembekal secara adil.
- 3 Kita tidak akan membuat tuntutan yang tidak munasabah kepada pembekal.
- 4 Kita akan mengendalikan maklumat yang berkaitan dengan pembekal dengan sewajarnya.



Perdagangan dan Keselamatan

Kumpulan Nitto akan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan kawalan perdagangan di setiap negara atau wilayah dan tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan yang boleh mengganggu keamanan dan keselamatan antarabangsa.

- 1 Kita akan melakukan prosedur pelepasan kastam secara sah.
- 2 Kita akan mempertimbangkan dengan teliti kemungkinan risiko dan perubahan peraturan apabila mengeksport produk seperti keadaan luar negara, sekatan ekonomi, potensi produk / perkhidmatan untuk digunakan dalam senjata dan potensi risiko lain yang berkaitan.
- 3 Untuk mengelakkan penukaran produk kepada senjata, kita akan menyemak tujuan akhir dan pengguna akhir pada ketika barang dieksport.



Pendedahan Maklumat

Berdasarkan "Polisi Asas Pendedahan,"
Kumpulan Nitto akan mendedahkan maklumat dari sudut
pandangan ketepatan masa, ketelusan dan keadilan.

- 1** Kita tidak akan menjawab pertanyaan daripada media atau pihak luar lain semata-mata atas pertimbangan kita sendiri.
- 2** Kita akan mendedahkan kandungan maklumat yang sesuai berkaitan perniagaan kepada media yang berkenaan dari semasa ke semasa hanya selepas mendapat kelulusan orang yang diberi kuasa.
- 3** Kita tidak akan menerbitkan dalam blog peribadi atau di media sosial, sebarang hantaran berkenaan perniagaan syarikat, sebarang pendapat yang boleh disalahertikan oleh orang awam atau sebarang muat naik yang bertentangan dengan ketenteraman awam dan piawaian kesopanan.



Garis Panduan Amalan Perniagaan Kumpulan Nitto

Edisi pertama diterbitkan : September, 2022

Dikeluarkan oleh : Yasuhiro Hayashi

Naib Presiden

Pengarah, Bahagian Perundungan dan Pematuhan

